



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin
50604 Kuala Lumpur

Tel : 03 6204 6000
Fax : 03 6204 6801
Portal : jpwpkl.moe.gov.my

Ruj. Puan :
Ruj. Kami : JPWPKL.600-3/5/5 Jld.27 (46)
Tarikh : 19 April 2024

Puan Norhana Hamim Pengarah

Jabatan Program
Petrosains, The Discovery Centre
Petrosains Sdn. Bhd.
Level 4, Suria KLCC PETRONAS Twin Towers
50088 Kuala Lumpur

Puan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN DAN PELIBATAN MURID BAGI PROGRAM PETROSAINS RBTX CHALLENGE 2024

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk dan surat daripada pihak puan bertarikh **15 April 2024** adalah dirujuk dan berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL) telah menerima dan meneliti permohonan puan bagi penganjuran program dan penglibatan murid dalam program di atas. Pihak JPWPKL sentiasa mengalu-alukan kerjasama dengan agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam program pembangunan kurikulum di negara ini.

3. Pihak JPWPKL mengambil maklum permohonan puan serta tiada halangan bagi menganjurkan **Petrosains RBTX Challenge 2024** mulai **1 Mei 2024 hingga 31 Oktober 2024**. Selaras **Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil. 8/1995, Bil. 7/1988, Bil. 8/2009, Bil. 5/2018** dan **Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil. 2/2010** serta berdasarkan keadaan cuaca panas dan kering yang melanda negara berikutan musim peralihan monsun yang boleh menyebabkan berlakunya fenomena gelombang haba (*heat wave*), pihak puan hendaklah mematuhi garis panduan dalam **Surat Siaran KPM Bil. 5/2016**: Persediaan Sekolah Berhubung Penjagaan Kebajikan, Kesihatan Keselamatan Murid Semasa Menghadapi Cuaca Panas dan Kering Berpanjangan, bertarikh 26 April 2016 dan **Surat Siaran KPM Bil. 1/2019**: Langkah-Langkah Kementerian Pendidikan Malaysia Bagi Menjamin Kesihatan Dan Keselamatan Murid di Sekolah Yang Berada Dalam Kawasan Jerebu Yang Dianggap Kritikal, bertarikh 15 Januari 2019.

4. Sehubungan dengan itu, pihak JPWPKL memohon kerjasama puan untuk memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi:

- 4.1 Mendapatkan kebenaran Pengetua/Guru Besar bagi penyertaan guru dan murid;
- 4.2 Penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa/penjaga;

...2/-

- 4.3 Pihak pengajur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan pengajuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
- 4.4 Surat kebenaran/kelulusan ini tidak boleh digunakan bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 4.5 Tiada unsur paksaan kepada sekolah, guru dan murid untuk menyertai aktiviti tersebut;
- 4.6 Penyertaan murid dan guru **tidak mengganggu atau menjejasakan** waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP);
- 4.7 Pengajur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 4.8 Pihak pengajur perlu memberikan laluan kepada murid dan guru yang terlibat untuk mengikuti program sekolah sekiranya aktiviti tersebut bertindih dengan aktiviti/program sekolah;
- 4.9 Pihak pengajur bertanggungjawab menguruskan insurans kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebaikan semua murid terlibat;
- 4.10 Selaras dengan Pelaksanaan Pendidikan Sivik yang masih berkuatkuasa di semua sekolah di bawah KPM, pengajur dimohon untuk memastikan kesedaran sivik dan amalan nilai murni dapat terus dijadikan sebagai salah satu perkara wajib dilaksanakan sebelum/semasa/selepas program berlangsung seperti gotong royong membersihkan kawasan (sekiranya program dilaksana secara bersemuka);
- 4.11 Tiada implikasi kewangan kepada JPWPKL, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah dan murid yang terlibat;
- 4.12 Pihak JPWPKL berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak puan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar KPM yang sedang berkuatkuasa.

5. Maklum balas program ini adalah untuk program yang dinyatakan seperti di atas dan **tamat tempohnya berakhir 31 Oktober 2024**. Pihak puan boleh menghubungi **Puan Saidah binti Muhammed** (Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid, JPWPKL) melalui talian **03-6204 6856** atau e-mel **saidah.muhammed@moe.gov.my** untuk sebarang pertanyaan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI ROSLAN BIN ABU HASSEN)

Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur